

13/08/2003

Tahap baru kerjasama Malaysia, Algeria

SEBAGAI negara membangun Dunia Ketiga, hubungan Malaysia dan Algeria sudah lama terjalin dengan kedua-duanya mempunyai matlamat sama iaitu menjadi negara maju dan makmur. Cuma sebelum ini potensi dan peluang mengembangkan serta meluaskan bidang kerjasama itu tidak diterokai sepenuhnya. Bagaimanapun, semua itu diharap dapat diubah hasil lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Algeria dalam usaha terbaru meningkatkan semula kerjasama, menjalin perkongsian lebih erat dan bermakna dengan negara di utara benua Afrika itu. Dengan kira-kira 32 juta penduduk dan pengeksport gas asli kedua terbesar dunia, Algeria tentunya menawarkan banyak peluang perdagangan kepada sektor swasta kita dan inilah yang ditekankan Dr Mahathir.

Tidak syak lagi negara bekas jajahan Perancis yang bergolak sejak mencapai kemerdekaan pada 1962 dan hanya mengecapi kestabilan lewat 1990-an, Algeria sememangnya mampu menjangkau jauh dalam usaha membangunkan ekonominya. Namun, seperti kata Dr Mahathir, pengalaman Malaysia menunjukkan bukanlah mudah membangunkan ekonomi kerana selain kemantapan dan kewujudan hasil bumi, usaha gigih, keazaman dan perancangan teliti diperlukan. Pengalaman Malaysia dalam menjana ekonominya kini sedia dikongsi bersama dengan Algeria dan ini terbukti dengan kajian mempelbagai ekonomi Algeria disediakan Unit Perancangan Ekonomi kita dan dikemukakan kepada Algeria awal tahun ini. Ia hanyalah sumbangan kecil yang ditawarkan kerajaan kepada negara yang dianggap mesra oleh Dr Mahathir itu.

Demi meningkatkan tahap kerjasama sejajar komitmen kita kepada semangat setia kawan, beberapa perjanjian persefahaman dimeterai di antara kedua-dua negara. Selain kerjasama sedia ada di antara Petronas dan Syarikat Petroleum Kebangsaan Algeria, Sonatrach, Malaysia dan Algeria juga mengkaji kemungkinan meninjau sektor berpotensi termasuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), selain pembinaan, pendidikan dan pelancongan. Algeria juga dilaporkan berminat dengan program penswastan yang berjaya kita laksanakan. Dari segi perdagangan dua hala setakat ini, perangkaan menunjukkan sejak beberapa tahun lalu wujud aliran meningkat dengan perdagangan tahun lalu berjumlah lebih kurang RM380 juta. Ini sebenarnya boleh ditambah jika sektor swasta kedua-dua negara berperanan lebih aktif dan saling menguntungkan. Apa yang lebih penting ialah mengelak perdagangan diuruskan melalui negara ketiga.

Kita percaya lawatan Dr Mahathir mampu mencapai matlamat dan mengubah hubungan dagangan dan kerjasama dengan Algeria ke arah memanfaatkan lagi dua negara Islam yang sama-sama mendukung Pergerakan Berkecuali dan berfahaman sederhana, selain sekata dalam menaikkan semula imej Islam yang tercemar akibat isu keganasan.